

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA
PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN,
FASc**

**NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**INTERNATIONAL CONFERENCE
ON CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES
(ICIS 2023)**

16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

**1. SAHIBUS SAMAHAH DATO' SETIA PROFESOR MADYA
DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR**

Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor

**2. SAHIBUS SAMAHAH DATUK PROFESOR MADYA DR.
LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH**

Mufti Wilayah Persekutuan

**3. YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. MOHD AFANDI
MAT RANI**

Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari

**4. YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. S. SALAHUDIN
SUYURNO**

Timbalan Dekan PJI ACIS

5. YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA DR. AZRI BHARI

Timbalan Dekan HEP ACIS

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM "ICIS 2023",

**PARA PENSYARAH DAN KAKITANGAN PENTADBIRAN
UITM,**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

**SERTA SEMUA PESERTA PERSIDANGAN ANTARABANGSA
PENGAJIAN ISLAM -ICIS 2023.**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam Program **Persidangan Antarabangsa Pengajian Islam Kontemporari / ICIS 2023.**

2. Tahniah saya ucapkan kepada pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), atas inisiatif penganjuran ICIS 2023, yang saya lihat penting sebagai satu platform membincangkan isu kontemporari di dalam bidang pengajian Islam.

3. Terima kasih juga kepada seluruh jawatankuasa **ICIS 2023** yang telah bekerjasama dan berusaha keras bagi memastikan program pada hari ini berjalan dengan lancar.

Hadirin yang dihormati,

4. Bidang Pengajian Islam merupakan satu daripada bidang penting bagi menyeimbangkan proses pembangunan negara. Pengajian Islam di Malaysia juga dilihat lebih relevan asbab daripada terangkumnya di dalam Perlembagaan Persekutuan pelbagai fasal yang meletakkan Islam sebagai tunjang utama. Perkara 3 dalam Perlembagaan Islam jelas menggariskan Islam adalah agama bagi persekutuan.

5. Oleh itu, Pengajian Islam mestilah terfokus hala tujunnya, dan dinilai dari semasa ke semasa bagi menentukan ia selaras dengan peredaran dan tuntutan zaman. Penganjuran **ICIS 2023** dilihat selaras dengan objektif untuk mengkaji perkembangan dan isu kontemporari dalam kalangan umat Islam khususnya.

6. Selain daripada itu, dapatan daripada hasil kajian dan inovasi melalui **ICIS 2023** diharapkan dapat diterjemah dan diolah sebaiknya untuk mencetuskan hasil yang bernas ke arah pemeraksanaan bidang Pengajian Islam.

7. Saya difahamkan menerusi **ICIS 2023**; tema yang diangkat adalah “**Memperkasa Masyarakat Madani Menerusi Penyelidikan Berteraskan Pengajian Islam**”. Melihat kepada senario cabaran globalisasi masa kini, Pengajian Islam harus diperluaskan dan sampai kepada segenap lapisan masyarakat.
8. Hanya dengan mendalami ilmu agama, masyarakat mampu membina individu yang boleh saling berinteraksi, tinggi jatidiri, hidup berkomuniti dan berdaya menyelesaikan masalah kontemporari. Ilmu yang seiring dengan perkembangan nilai seharusnya mendasari pembinaan masyarakat madani.
9. Ledakan teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dilihat sebagai alat yang membantu memudahkan urusan manusia. Perkembangan ini memberikan satu cabaran kepada umat Islam masa kini yang menuntut jawapan kepada isu kontemporari seperti isu akidah, dakwah dan fatwa semasa merentas bidang.

10. Secara tidak langsung, ini turut menghambat institusi pengajian tinggi Islam untuk menyesuaikan penawaran ijazah mengikut kehendak pasaran kerja semasa dengan memasukkan elemen rentas ilmu. Saya percaya tanggungjawab ini mampu digalas oleh ACIS sebagai sebuah Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM bagi melahirkan muslim profesional.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

11. Hari ini dunia Islam bukan sahaja mencari graduan yang kompeten di dalam bidang masing-masing; malah kebangkitan semula Islam sebagai sebuah tamadun yang terbilang memerlukan susuk jiwa yang mampu menyandarkan segala penyelesaian masalah kontemporari kepada dasar Quran dan Sunnah.

12. Semoga penganjuran **ICIS 2023** membuka lebih banyak ruang dan peluang bagi memartabatkan pengajian Islam kontemporari di mata dunia. Pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang ada pada para peserta pada hari ini wajar dimanfaatkan bagi memberi faedah kepada masyarakat amnya.

13. Semoga jalinan interaksi dan kerjasama strategik dapat dirangka bersama di antara universiti dan institusi yang terlibat pada hari ini bagi mencapai objektif yang sama iaitu menaikkan taraf Pendidikan Islam seiring dengan perkembangan semasa dunia global pada hari ini.

14. Harapan saya semoga dapatan daripada **ICIS 2023** meneraju perkembangan pengajian Islam kontemporari. Baik daripada aspek asas akidah dan syariah Islam, mengunjur kepada bidang tujahan ekonomi, sains, pendidikan, psikologi dan seni dalam Islam.

15. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini melancarkan **INTERNATIONAL CONFERENCE ON CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES, 2023.**

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

